

'Gangguan dari luar' jejas prestasi guru

BH 30/3/07 M/S 14

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

SEJAK merdeka hampir 50 tahun lalu, sistem pendidikan sekolah yang diuruskan guru berjaya melahirkan modal insan berkualiti kerana lepasan sekolah diterima masuk ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Bahkan, keputusan peperiksaan awam menunjukkan peningkatan tahun demi tahun, membuktikan keberkesanan pegawai perkhidmatan pendidikan menguruskan pelajar – bakal sumber manusia negara.

Namun perkembangan terbaru membatik cadangan kemasukan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) ke dalam Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) menimbulkan pro dan kontra, tetapi kalangan guru tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Ahmad Sipon memberi jaminan kemasukan PTD ke JPN tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat guru, malah mampu memantapkan lagi pengurusan sedia ada.

Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyatakan tiada masalah besar timbul sepanjang JPN diuruskan oleh pegawai perkhidmatan pendidikan. "Kalau benda tidak rosak, mengapa hendak baik," kata presidennya, Omar Osman.

Cuepacs menyokong penuh pendirian Kesatuan Perkhidmatan Pendidikan Kebangsaan (NUTP) yang membantah pelantikan Pegawai Tadbir dan diplomatik (PTD) ke dalam JPN. Kemasukan PTD bukan saja menjadi 'penghinaan' kepada pegawai pendidikan malah turut mengurangkan lagi peluang kenaikan pangkat untuk lulusan siswazah dalam perkhidmatan pendidikan (skim DG).

Ketika ini, ada lebih 320,000 guru sedang berkhidmat dalam sistem pendidikan Kementerian Pelajaran dan kira-kira separuh daripadanya memiliki ijazah sarjana muda. Dengan kira-kira 9,500 sekolah seluruh negara, bermakna hanya ada 9,500 jawatan guru besar atau pengetua terbuka kepada 320,000 guru untuk kenaikan pangkat.

Presiden NUTP, Anuar Ibrahim, berkata



BERI DIDIKAN: Tidak sampai satu peratus guru berpeluang menikmati imbuhan sebagai guru besar atau pengetua.

tidak sampai satu peratus daripada guru berpeluang menikmati imbuhan sebagai guru besar atau pengetua dalam mengakhiri kerjaya mereka. "Kita hanya naik pangkat jika ada guru besar atau pengetua meninggal dunia atau pencen," katanya.

FAKTA NOMBOR

Kementerian Pelajaran
320,000

Jumlah guru

9,500

Jawatan guru besar

Anuar yang juga Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Nyior, Paka, Terengganu, berkata NUTP mengambil keputusan membantah kemasukan PTD ke JPN selepas dua kali bermesyuarat dengan wakil dari seluruh negara dan exconya.

Mesyuarat pertama di Melaka akhir bulan lalu membabitkan 200 wakil negeri manakala pertemuan kedua di Pulau Pinang pertengahan bulan ini dengan 70 exco, sebulat suara menentang keputusan Kementerian Pelajaran membuka jawatan di JPN untuk PTD.

PTD bukan saja diberi jawatan Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, bahkan menguasai keseluruhan sektor itu dengan dianggotai tujuh lagi pegawai bawahan dari Perkhidmatan PTD. Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan diberi Gred M52 atau M48 (bergantung kepada gred JPN), diikuti pe-

gawai pada Gred M41.

NUTP juga sedang menyiapkan memorandum khas membantah keputusan Kementerian Pelajaran membuka jawatan JPN kepada PTD. Memorandum itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya di Putrajaya, bulan depan.

Anuar berkata, NUTP bimbang selepas ini, jawatan Pengarah JPN dan Timbalan Pengarah JPN juga akan diambil-alih perjawatan perkhidmatan PTD.

"Sebelum ini, guru berpengalaman yang dilantik sebagai Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan. Mereka sudah masak dengan pengurusan sekolah dan berjaya menyempurnakan tugas dengan baik," katanya.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang ditadbir PTD juga dikatakan memperlekeh guru berpengalaman dengan mengenakan pelbagai syarat sebelum mereka diberi ke-

pelebaran syarat sebelum mereka diberi kenaikan gaji atau pangkat. Antaranya, memperkenalkan kursus khas kira-kira 10 hari kepada pengetua yang sudah lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Anuar berkata, dalam kursus terbaru membabitkan 77 pengetua seluruh negara, hanya dua pengetua lulus. Pengetua yang mengikuti kursus ini adalah guru berpengalaman dengan Gred DG48 dan tahu selok-belok pengajaran, pembelajaran dan pengurusan murid atau pendidik. Bila gagal kursus dan pulang ke sekolah, mereka malu. Ini tindakan Bahagian Sumber Manusia yang ditadbir PTD.

JPA juga dikatakan tidak mematuhi kertas Kabinet mengenai pergerakan gred jawatan guru secara 'time-based' yang diluluskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika menjawat Menteri Pendidikan.

Berdasarkan Sistem Saraan Baru (SSB), guru lulusan diploma secara automatik akan memasuki gred berikutnya selepas mata gaji dalam gred sedia ada berada pada tahap maksimum.

Namun, kata Anuar, JPA sejak beberapa tahun lalu menetapkan guru yang sepatutnya mendapat kenaikan gred secara 'time-based' mesti lulus PTK dan mendapat penilaian prestasi cemerlang sebanyak tiga tahun berturut-turut, sebelum boleh dipertimbangkan untuk kenaikan gred gaji.

Kemasukan PTD dalam JPN boleh disifatkan 'gangguan dari luar' yang akan menambah tekanan kepada guru, terutama dalam aspek pentadbiran. Guru tidak pernah merungut jika Kementerian Pelajaran menambah pelbagai mata pelajaran elektif untuk kebaikan murid tetapi tidak sanggup menerima campur tangan pihak luar dalam pengurusan sekolah.